

Baharu-baharu ini Onn sesudah balik dari India dan Karachi menyatakan bahawa Malaya merdeka nanti janganlah hendak dicampurkan agama di dalamnya. India lebih baik daripada Pakistan, katanya, dan sebab itu kalau Malaya merdeka lebih baik mengikut undang-undang dasar India. Cakap macam ini sudah tentu disokong orang – tetapi yang menyokongnya itu bukannya orang Islam dan telah pun ada Ramani, Li, dan lain-lainnya orang Islam tentu tak suka sebab kalau mereka hendak menghukum hendaklah mengikut hukum Allah – tidak hukum manusia! Mereka takut pada amaran Allah yang menyatakan bahawa barang siapa menghukum selain dari hukum Allah, kafir, fasik dan zalim.

-----\*-----\*-----

Begitu hebatnya capakan Onn terhadap kepada Islam orang-orang Islam senyap. Persatuan Islam se-Malaya pun senyap – terus senyap! Dengan ini orang bertanya apa mahu diam terus sahaja. Perkara yang besar disenyapkan. Tetapi apabila Fatih Akhir menubuhkan pertubuhan Islam di Selangor maka orang-orang dari Persatuan Islam itu, sama ada dari Gombak dan dari Bukit Mertajam masing-masing bertempik! Orang tentu bertanya lagi mengapa? Adakah perdirian persatuan Islam itu hanya untuk bersuara kerana menggalang sesuatu cita-cita Islam yang lain? Adakah ia gunanya semata-mata menghentam “ awak sama awak” sedang perkara yang mustahak di diamkan?! Inilah pertanyaan yang pedih dan patut diperhati.

-----\*-----\*-----

Fatih Akhir dalam langkahnya di Selangor jalan terus. Bagus! Lagi banyak pertubuhan yang berdasar Islam lagi bagus – masing-masing dengan jalannya kemudian apabila sudah hidup merata-merata baharu kita gabungkan : dan

yang demikian ini tidak bertujuan pecah belah bahkan ia di asaskan pada tempat yang benar, sebab asas itu di dirikan daripada bawah – yakni dari kariah – bukannya daripada puncak membawa ke bawah. Kita jangan lekas cerca tetapi kita patut galakkan sebab bertempik sahaja tidak bermanfaat. Yang perlu ialah kita jangan muzabab!

-----\*-----\*-----

Masa sekarang kita wajib awasi kita mesti ingat supaya kita jangan tepuk-tepuk dada suka bilang pemuda nasionalis. Orang ramai belum tau apa itu nasionalis – dan adakah nasionalis (kebangsaan) jahiliah yang ditegah oleh agama! Kalau itu, orang Melayu tentu tidak berani ikut sebab mereka yakin dan percaya kepada pengajaran Allah dan Rasulnya! Sebab itu hendaklah kita hati-hati sebab iblis sudah banyak menyesatkan orang.

-----\*-----\*-----



# KOPI PAHIT

Masa sudah sampai dan musim zakat sudah tiba. Banyak orang Islam yang bermastautin selalu hantar zakatnya pergi balik ke negeri watannya. Perbuatan ini salah dan zakatnya tidak sah sebab dia sudah lakukan merompak dan merampas, orang yang berhak di negeri ini kerana mereka masih sangat berhajat kepadanya. Sebab itu perbuatan ini patut dijauhi.

-----\*-----\*-----

Di Kedah sudah jadi perkara “rosak moral” antara guru-guru dan kononnya yang di hukum hanya perempuan sahaja sedang lelaki tidak! Mengapa? Sememangnya patut kedua-duanya di hukum! Ini satu contoh menunjukkan bahawa “didikan akhlak” ini sangat mustahak di adakan kerana kalau guru sudah begitu sudah tentu berniat kepada murid-murid pula – betul atau tidak? – Cemeti Al-Farouk.